

01/03/1999

Dr Mahathir hadir di sidang D8 di Dhaka

Kamal Ahmad in Dhaka

DHAKA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk menghadiri sidang kemuncak kedua ketua negara Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D8) mulai esok.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta rombongan, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Zia kira-kira jam 5 petang.

Ketibaan beliau disambut Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hasina Wajed; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar serta Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di sini, Datuk Zulkifli Ab Rahman.

D8 dianggap satu blok perdagangan baru yang membabitkan Malaysia, Bangladesh, Indonesia, Pakistan, Iran, Mesir, Nigeria dan Turki.

Sidang esok akan meneliti kemajuan projek yang diputuskan secara sepakat dalam sidang kemuncak pertama D8 di Istanbul, Turki pada 1997.

Ia juga akan memberi fokus kepada beberapa projek baru dan usaha mempertingkatkan lagi kerjasama ekonomi dan perdagangan antara negara anggota yang mempunyai penduduk hampir 800 juta orang.

Sidang kemuncak dua hari itu akan dirasmikan oleh Sheikh Hasina. Selain Dr Mahathir, ketua negara yang hadir ialah Presiden Turki, Suleyman Demirel; Perdana Menteri Pakistan, Mian Nawaz Sharif serta Timbalan Presiden Pertama Iran, Dr Hassan Habibi.

Indonesia dan Mesir pula masing-masing diwakili Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pembasmian Kemiskinan, Haryono Suyono serta Menteri Luar, Amre M Moussa.

Semalam, menteri-menteri luar negara anggota berkumpul untuk menyiapkan agenda persidangan serta draf Deklarasi Dhaka yang disediakan oleh pegawai kanan negara anggota yang bermesyuarat pada 25 dan 26 Februari lalu.

Malaysia diwakili Syed Hamid, Ali Alatas (Indonesia), Sartaj Aziz (Pakistan), Amre (Mesir), Kamal Kharrazi (Iran) dan Abdus Samad Azad (Bangladesh).

Bagaimanapun kehadiran wakil Nigeria di sini esok masih tidak dapat disahkan kerana masalah dalaman negara itu.

Deklarasi Dhaka yang akan diluluskan pada akhir persidangan Selasa ini dijangka mengenal pasti bidang dan projek baru untuk mempermudah kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota D8.

Ia turut menekankan kepada pertukaran maklumat sokongan perdagangan dan perkapalan untuk meningkatkan perdagangan.

D8 yang ditubuhkan pada 15 Jun 1997 memulakan langkah kerjasama negara anggota berdasarkan Deklarasi Istanbul yang dicapai pada sidang kemuncak pertamanya di Turki pada tarikh berkenaan.

Ia menggariskan kerjasama ekonomi dan perdagangan membabitkan 13 sektor iaitu perdagangan, industri, telekomunikasi dan maklumat, kewangan, perbankan dan penswastaan, pembangunan luar bandar, sains dan teknologi, pembasmian kemiskinan, pembangunan sumber manusia, pertanian, tenaga, alam sekitar, kesihatan, pelancongan, kebudayaan dan sukan.

Sementara itu, Dr Mahathir dan isteri hadir pada majlis jamuan makan anjuran Zulkifli di sebuah hotel malam ini. Turut hadir Syed Hamid dan Setiausaha Rendah Bagi Asia Barat, Afrika dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Datuk Deva Mohd Ridzam.

(END)